



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



# PELAN STRATEGIK KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH 2020

Disediakan oleh:

Pn Noor Ajuma Mat Hassan  
Penyelaras Kualiti  
Kolej Komuniti Kuala Pilah

Disahkan oleh:

Ts. Ahmad Afandi Abd Khalil  
Pengarah  
Kolej Komuniti Kuala Pilah

# VISI

**MENJADI PENERAJU INSTITUSI  
TVET YANG UNGGUL  
TO BE THE LEARNING-EDGE  
TVET INSTITUTION**

# MISI

**Menyediakan akses yang meluas kepada  
program TVET berkualiti dan diiktiraf  
To provide wide access to quality and recognized  
TVET programmes**

**Memperkasa komuniti melalui pembelajaran  
sepanjang hayat  
To empower communities through lifelong  
learning**

**Melahirkan graduan holistik, ber ciri  
kewirausahaan dan seimbang  
To develop holistic, entrepreneurial and  
balanced graduates**

**Memfaatkan sepenuhnya perkongsian  
pintar dengan pihak berkepentingan  
To capitalise on smart partnership with  
stakeholders**

# PELAN STRATEGIK

## POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI



**MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET  
YANG UNGGUL**



Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf  
Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat  
Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang  
Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

PELAN STRATEGIK JPPKK 2018 - 2025

6 TERAS STRATEGIK

14 OBJEKTIF STRATEGIK

24 KPI JPPKK DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

11

KPI JABATAN

4

KPI JABATAN  
DAN INSTITUSI

09

KPI INSTITUSI

## TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

1.1 Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)

### ▶ KPI

Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)

### ▶ PIC

Politeknik: Pegawai Peperiksaan / Pegawai Data di Unit Peperiksaan  
Kolej Komuniti: Pegawai Peperiksaan

### ▶ DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan pengumpulan data bagi mengukur peratusan pelajar yang tamat dalam tempoh reka bentuk sesebuah program.

Program pengajian yang diambil kira adalah program formal (sepenuh masa):

- i. Sijil Kolej Komuniti / Politeknik
- ii. Diploma Kolej Komuniti / Politeknik
- iii. Ijazah Sarjana Muda Politeknik

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
77% (PP)	77%	77%	77%	77%	77%	77%

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

Illustrasi Pengukuran GOT bagi Program Diploma 3 tahun:

Institusi A mempunyai ambilan 100 orang pelajar sepenuh masa pada tahun 2017. Tempoh pengajian program Diploma adalah tiga tahun. Oleh itu, tahun bergraduasi yang ditetapkan adalah pada tahun 2020. Pada tahun 2020, 10 pelajar daripada ambilan tahun 2017 mohon berhenti manakala 5 orang mohon bertukar ke institusi lain.

70 orang pelajar daripada ambilan tahun 2017 tamat pengajian pada tahun 2020. Selebihnya masih meneruskan pengajian dan dijangka tamat selepas tahun 2020.

$$\text{Peratus 2020} = \frac{\text{Bilangan pelajar ambilan 2017 yang tamat pada tahun 2020}}{(\text{Bilangan pelajar ambilan tahun 2017}) - (\text{Bilangan keciciran* dari tahun 2017 hingga 2020})}$$

\*Bilangan keciciran adalah pelajar yang bertukar ke institusi lain, atau mohon berhenti pengajian atas pelbagai sebab (contohnya bekerja dan sebagainya), atau meninggalkan dunia (lain-lain) atau mendapat status Gagal dan diBerhentikan (GB).

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

1. Jadual Pengiraan GOT Politeknik dan Kolej Komuniti
2. Senarai Lulusan Kolej Komuniti

# KPI 2 :

## TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

1.2 Menambah baik ekosistem keusahawanan

### ▶ KPI

Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian

### ▶ PIC

Politeknik: Ketua Unit Keusahawanan

Kolej Komuniti: Ketua Unit Keusahawanan / Pegawai

### ▶ DEFINISI OPERASI:

Peratusan graduan Politeknik atau Kolej Komuniti yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian (6 hingga 12 bulan). Graduan adalah mereka yang telah dianugerahkan sijil, diploma, diploma lanjutan atau ijazah sarjana muda setelah menamatkan pengajian di Politeknik atau Kolej Komuniti.

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
PP	5%	5%	5%	5%	5%	5%

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

1. Cara pengiraan:

$$\frac{\text{Jumlah graduan yang menjadi usahawan pada tahun berkaitan}}{\text{Jumlah graduan yang bergraduasi pada tahun berkaitan}} \times 100\%$$

2. Pemantauan:

Pemantauan akan dilakukan sebanyak sekali setahun. Semua maklumat lengkap perlu direkodkan.

3. Semua maklumat lengkap Lampiran E perlu dikemaskini sebelum 30 Oktober setiap tahun bagi tujuan pelaporan kepada pihak KPM.

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

Lampiran E1 - Pelaporan Pencapaian Keseluruhan KPI Keusahawanan IP

## TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

1.3 Membangunkan graduan TVET berciri Warga Global (*Global Citizen*)

### ▶ KPI

Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi dan komuniti

### ▶ PIC

Politeknik: Pegawai Sukarelawan / Penyelaras Sukarelawan

Kolej Komuniti: Pegawai Sukarelawan / Penyelaras Sukarelawan

### ▶ DEFINISI OPERASI:

Program Sukarelawan yang disertai oleh pelajar yang memberi impak kepada institusi dan komuniti dengan mengaplikasikan kemahiran TVET dan perkongsian ilmu.

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
PP	2	2	1	1	1	1

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

Bilangan program yang dilaksanakan dan disertai oleh pelajar

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

Laporan Program Kesukarelawan Pelajar

# KPI 4 :

## TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF & MAMPAN

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacuan 4IR

### ▶ KPI

Bilangan program yang dihebahkan melalui media sosial rasmi Jabatan / Institusi

### ▶ PIC

Politeknik: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

### ▶ DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan bilangan program / aktiviti / majlis yang dilaksanakan di peringkat jabatan / institusi. Empat (4) elemen bagi promosi dan publisiti untuk pegawai perhubungan awam di jabatan / institusi yang terdiri dari; Temubual bersama Media Konvensional, Program jelajah pendidikan / pameran, penerbitan (video, grafik, penulisan) dan program khas / lawatan / kunjungan. Setiap aktiviti promosi yang dilaksanakan dihebahkan di media sosial rasmi jabatan / institusi.

Media baharu adalah istilah yang dimaksudkan untuk mencakup kemunculan digital, komputer, atau jaringan teknologi informasi dan komunikasi di akhir abad ke-20. Sebahagian besar teknologi yang digambarkan sebagai media baharu adalah digital, seringkali memiliki karakteristik yang dapat dimanipulasi, bersifat jaringan, padat, mampat, interaktif dan tidak memihak. Secara sederhana media baru adalah media yang terbentuk dari interaksi antara manusia dengan komputer dan internet secara khususnya. Termasuk di dalamnya adalah laman sesawang, blog, online jaringan sosial, forum atas talian dan lain-lain yang menggunakan komputer sebagai mediumnya.

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
96	96	48	36	48	36	24

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

1. Bilangan program yang dihebahkan melalui media sosial rasmi jabatan / institusi yang ditetapkan mengikut jabatan / institusi.
2. Hebahan yang berulang dan hebahan yang diambil dari JPPKK dan KPM tidak akan diambilkira.
3. Pelaporan melalui *template* pelaporan yang telah disediakan

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

Laporan hebahan program melalui media sosial rasmi Jabatan / Institusi



## TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF & MAMPAN

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacukan 4IR

### ▶ KPI

Bilangan aktiviti *Lean Management* di jabatan / institusi

### ▶ PIC

Politeknik: Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) / Timbalan Pengarah (TP)

### ▶ DEFINISI OPERASI:

KPI ini merupakan usaha penambahbaikan yang amat praktikal bagi membantu meningkatkan proses di tempat kerja supaya lebih produktif dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

*Lean Management* adalah peningkatan produktiviti dan kualiti yang memerlukan proses penambahbaikan produk, perkhidmatan atau proses berterusan melalui percambahan idea kreatif dari pekerja dan amalan secara berkesan. Ia juga dapat mengurangkan atau menghapuskan pembaziran, pengurangan kos dan meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan pelanggan.

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
2	2	2	2	2	2	2

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

1. Perancangan
  - Mewujudkan proses dan prosedur yang relevan dan merancang pelaksanaan kerja
2. Pelaksanaan
  - Melaksanakan penambahbaikan atau penjimatan dalam aktiviti yang dirancang
3. Pemantauan
  - Pemantau pelaksanaan projek secara berterusan (*kaizen*)
4. Tindakan Susulan
  - Penambahbaikan berterusan (jika perlu)
  - Kajian impak boleh dilaksanakan bagi pengesahan pencapaian

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

Laporan Pelaksanaan Projek *Lean Management*



## TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF & MAMPAN

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan

### ▶ KPI

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari

### ▶ PIC

Politeknik: Penolong Akauntan / Penolong Pegawai Tadbir / Pembantu Tadbir Kewangan  
Kolej Komuniti: PPenolong Pegawai Tadbir / Penolong Akauntan / Pembantu Tadbir Kewangan

### ▶ DEFINISI OPERASI:

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima. Pengiraan bil 7 hari adalah berdasarkan seperti berikut:

- i) Sistem ePerolehan : Daripada tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)
- ii) Sistem iGFMAS : Daripada tarikh terima di kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

Formula pengukuran :-

$$\frac{\text{Bilangan bil yang tidak melebihi 7 hari}}{\text{Jumlah keseluruhan bil}} \times 100\%$$

Laporan Suku yang perlu dicetak:

- Suku 1 : Januari - Mac
- Suku 2 : Januari - Jun
- Suku 3 : Januari - September
- Suku 4 : Januari - Disember

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS

**KPI 7 :****TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF & MAMPAN****▶ OBJEKTIF STRATEGIK**

2.2 Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan

**▶ KPI**

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa

**▶ PIC**

Politeknik: Penolong Akauntan / Penolong Pegawai Tadbir / Pembantu Tadbir Kewangan

Kolej Komuniti: Penolong Pegawai Tadbir / Penolong Akauntan / Pembantu Tadbir Kewangan

**▶ DEFINISI OPERASI:**

KPI ini menyasarkan pengumpulan data perbelanjaan mengurus mengikut bulanan bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan. KPI yang disasarkan ialah 99%. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan perlu mencapai 25% bagi setiap sukuan.

**▶ SASARAN:**

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%

**▶ KAEDAH PENGUKURAN:**

Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan yang diambil daripada vot dana iGFMAS

1. Pemantauan - Pemantauan dalam aspek pengumpulan data dibuat setiap bulan.
2. Pelaporan - Penyediaan pelaporan dalam bentuk fail Excel dibuat setiap bulan.

**▶ DOKUMEN BUKTI:**

Laporan vot dana B63 bulanan yang diambil dari sistem iGFMAS

**KPI 8 :****TERAS 3 : MEMPERKAYA BAKAT**▶ **OBJEKTIF STRATEGIK**

3.1 Melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif

▶ **KPI**

Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa

▶ **PIC**

Politeknik: Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)  
Kolej Komuniti: Pegawai Unit Latihan dan Pembangunan Staf (ULPS)

▶ **DEFINISI OPERASI:**

Program tersebut meliputi:

1. PPPT yang menyempurnakan program Sangkutan Industri (Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) /Latihan Sangkutan Industri (LSI) / Interaksi bersama industri 176 Jam dalam tahun semasa);
2. PPPT yang mempunyai persijilan industri atau persijilan profesional;
3. PPPT yang mengikuti program / kursus / latihan berkaitan 4IR

▶ **SASARAN:**

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
PP	3.5%	3.5%	3.5%	3.5%	3.5%	3.5%

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

▶ **KAEDAH PENGUKURAN:**

Formula pengukuran :

$$\frac{\text{(Jumlah PPPT yang melengkapkan program pembangunan bakat pada tahun berkaitan)}}{\text{Raten Pengisian Penjawatan PPPT Bulan Januari Tahun Berkaitan}} \times 100\%$$

▶ **DOKUMEN BUKTI:**

Rumusan pelaporan peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa

## TERAS 5 : MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

5.1 Memperkukuh Jaringan Industri-Institusi

### ▶ KPI

Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi dengan institusi

### ▶ PIC

Politeknik: Pegawai CISEC

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Industri (PPI)

### ▶ DEFINISI OPERASI:

Industri bermaksud organisasi luar selain Politeknik / Kolej Komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri / agensi dari luar negara.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti usahasama yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti berikut :

- 1) Program perkongsian ilmu oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat (pemimpin industri) yang dilantik oleh Menteri KPM melalui Program CEO@PolyCC.; atau,
- 2) Inisiatif menggunakan pendekatan *experiential learning*, *production based education & training*, *competency based training* atau *problem based education* dalam penghasilan produk atau pemberian perkhidmatan, seperti Penubuhan *Industry Edu-Centre* / *WBL* / *Industry Centre* di dalam institusi / *Campus* dalam industri.; atau,
- 3) Inisiatif yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti *Teaching Factory* / Inkubator; atau,
- 4) Penajaan latihan tambahan / pensijilan industri/ pensijilan profesional kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan industri / pensijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos dengan institusi.; atau,
- 5) Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PnP / sumbangan peralatan memudahkan PnP / sumbangan peralatan umum / biasiswa/ hadiah kecemerlangan pelajar / bantuan kewangan *one-off* pelajar atau pensyarah / perkongsian peralatan PnP / perkongsian peralatan memudahkan PnP / perkongsian peralatan umum / perkongsian tempat program.; atau,
- 6) Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
  - i) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
  - ii) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau,
  - iii) Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI.; atau,
- 7) Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan merujuk kepada penawaran pekerjaan ke atas bakal graduan Politeknik / Kolej Komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan iaitu minima RM1,500 bagi lepasan sijil / RM1,800 bagi lepasan Diploma ; atau,  
(Sumber gaji: Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016).
- 8) *Research & Development* (R&D) bersama industri yang melibatkan penghasilan produk / servis merujuk kepada kerjasama industri-institusi yang melibatkan R & D & I dan penghasilan produk.; atau,
- 9) Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC) baharu, iaitu, perlantikan Jawatan Kuasa Penasihat Industri Politeknik / Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu / penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK).

► **SASARAN:**

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
150	3	2	1	1	1	1

NOTA: Sasaran terpakai kepada semua politeknik seperti di Lampiran Kategori Institusi kecuali PSS, PBU, PJK, PHT, PBT, PBD dan PTS. Politeknik tersebut (PSS, PBU, PJK, PHT, PBT, PBD dan PTS) mengikut sasaran Kategori Politeknik METRO.

► **KAEDAH PENGUKURAN:**

Maklumat diperolehi dari Pegawai CISEC di Politeknik & Pegawai Pehubungan Industri & Alumni (PPIA) di Kolej Komuniti

► **DOKUMEN BUKTI:**

1. Laporan Program Kolaborasi (Bagi komponen 1 - 8)
2. Laporan Maklumat IAC dan sijil pelantikan IAC oleh Ketua Pengarah JPPKK (Bagi komponen 9)

## TERAS 5 : MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

### OBJEKTIF STRATEGIK

5.2 Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti

### KPI

Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa

### PIC

Politeknik: Pegawai Unit Pelaksanaan PSH, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti  
Kolej Komuniti: Pegawai Unit PSH, Bahagian Kurikulum

### DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan bilangan penyertaan dalam program PSH yang ditawarkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun 2020.

Peserta PSH adalah peserta yang mengikuti program PSH di institusi seperti berikut:

**Formal:** Merangkumi pembelajaran yang dilakukan dalam organisasi pembelajaran formal yang boleh memberikan kelayakan akademik atau bentuk pembelajaran yang diiktiraf. Objektif pembelajaran dan hasil pembelajaran daripada program ini lazimnya sangat teratur dan berstruktur dengan baik. Antara contohnya ialah sijil dan diploma di Politeknik dan Kolej Komuniti, diploma eksekutif, ijazah sarjana muda dan pascasiswazah yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta.

**Bukan Formal:** Merangkumi pembelajaran yang dilakukan di tempat alternatif yang bukan dalam persekitaran institusi yang formal. Program ini selalunya boleh jadi sistematik dan direka bentuk dengan baik. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam PSH bukan formal tidak semestinya memberikan kelayakan akademik yang khusus. PSH bukan formal pada amnya disediakan bagi pekerja yang sedang dalam perkhidmatan dan dirancang untuk pembangunan dalam pengukuhan kemahiran professional.

**Tidak Formal:** Merupakan PSH yang paling kurang terstruktur daripada tiga kategori PSH ini. Pembelajaran dijalankan dengan objektif menambah baik kualiti kehidupan pelajar. Penyempurnaan PSH tidak formal tidak memberikan kelayakan akademik. Lazimnya, PSH ini diikuti kerana minat individu atau inisiatif untuk memajukan dan menambah baik diri sendiri. PSH tidak formal mungkin mencakupi program berasaskan komuniti yang bertujuan menangani jurang kemahiran, keperluan masyarakat atau ketidakimbangan sosial yang memerlukan perhatian segera.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
175,000	850	750	500	Sasaran penyertaan Kolej Komuniti akan mengambil kira pencapaian dan enrolmen pada tahun 2019		

Nota: Sasaran bagi PBT, PBD dan PTS adalah menigkut sasaran bagi kategori Politeknik METRO

## ► KAEDAH PENGUKURAN:

### Politeknik dan Kolej Komuniti:

1. Bilangan penyertaan dalam Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah KPI Politeknik dan Kolej Komuniti

a) Teras 4IR termasuklah:

- *Internet of Things (IoT)*
- *Simulation* - kecerdikan buatan (AI)
- *Big Data*
- *Autonomous Robots*
- *Cybersecurity*
- *Cloud Computing*
- *Additive manufacturing*
- *Augmented Reality*
- *System (Horizontal & Vertical) integration*

b) Contoh program PSH atau kursus pendek yang menyokong pelaksanaan teknologi 4IR seperti:

- Kursus mengaplikasikan perkakasan dan perisian terbuka Arduino, Raspberry Pi dan sebagainya
- Kursus penggunaan dron
- Kursus berkaitan keselamatan siber
- Kursus berkaitan pengkomputeran awan seperti penggunaan servis Google G Suite
- Kursus berkaitan big data
- Program yang membudayakan *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* seperti Asas Litar (*Fundamental Circuits*), *Computational Thinking for K-12 Educators: Sequences and Loops, Coding* dan seumpamanya.
- Kesedaran penggunaan aplikasi eHailing seperti Grab, MyCar, MULA, JomRides dan lain-lain.

### Politeknik:

1. KPI ini adalah di bawah Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan yang akan mengisi Google Drive Form PSH 2020
2. Sasaran adalah mengikut kategori Politeknik masing-masing.

### Kolej Komuniti:

1. Jumlah penyertaan program PSH adalah mengikut waran perjawatan PPPT DH, enrolmen pelajar sepenuh masa dan kapasiti kolej komuniti pada Januari 2020 (kekal sehingga Disember 2020).
2. Pengiraan sasaran penyertaan PSH:
  - Bilangan waran perjawatan PPPT x 50 peserta x ratio enrolmen pelajar sepenuh masa kepada kapasiti ruang.
  - Pencapaian penyertaan akan diukur mengikut zon.
3. Melaksanakan Program PSH Bermodul (mengikut gred Pengarah KK):
  - Pengarah Gred DH54 / DH52: minima 6 kursus
  - Pengarah Gred DH48: minima 4 kursus
  - Pengarah Gred DH44: minima 2 kursus
4. Bilangan penyertaan dalam Program PSH sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah KPI Kolej Komuniti / zon.
5. Bilangan jam penglibatan pensyarah dalam aktiviti PSH: 2 jam x bilangan semester x bilangan minggu akademik.

## ► DOKUMEN BUKTI:

1. Laporan pelaksanaan PSH Politeknik melalui Google Drive Form PSH 2020 Unit PSH, BKIK
2. Laporan pelaksanaan PSH Kolej Komuniti melalui sistem ePSH.



## TERAS 5 : MEMPERKUKUH HUBUNGAN DENGAN ALUMNI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

5.3 Memperkukuhkan hubungan dan sumbangan dari alumni serta penglibatan persatuan alumni

### ▶ KPI

Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni dan persatuan alumni

### ▶ PIC

Politeknik: Pegawai Perhubungan Alumni

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA) atau Penyelaras Alumni

### ▶ DEFINISI OPERASI:

1. Alumni adalah merujuk kepada bekas pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Penglibatan alumni dalam aktiviti / program di peringkat Politeknik / Kolej Komuniti / wilayah dan kebangsaan.
3. Program merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh alumni yang melibatkan pihak Jabatan / Politeknik / Kolej Komuniti.
4. Aktiviti merujuk kepada penglibatan alumni yang merupakan ahli kepada Persatuan Alumni Berdaftar dalam penganjuran / pengelolaan / penyertaan serta apa-apa sumbangan (*alma-mater*) kepada Politeknik / Kolej Komuniti yang memberi keberkesanan impak terutama kepada pelajar, institusi mahupun komuniti melalui kategori kluster.
5. Kategori kluster program merujuk kepada
  - i) Kluster Akademik
  - ii) Kluster Motivasi dan Kaunseling
  - iii) Kluster Sukan dan Budaya
  - iv) Kluster Komuniti & CSR
  - v) Kluster Kebajikan & Sumbangan
6. Setiap Aktiviti ini perlu mempunyai laporan aktiviti dan hasil kajian keberkesanan

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
240 PP	5	5	2	3	3	2

Nota : KPI ini tidak melibatkan PBD, PBT dan PTS

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

Program / aktiviti perlu memenuhi elemen keberkesanan program melibatkan tiga (3) entiti iaitu alumni yang merupakan ahli persatuan alumni berdaftar, institusi mahupun komuniti dalam membantu ke arah pembangunan kemahiran sendiri dan akademik pelajar, kelestarian institusi, kebajikan dan kerohanian pelajar, serta membantu promosi kemasukan pelajar dan menyokong kepada aspek kebolehpasaran pelajar.

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

1. Laporan penuh aktiviti / program bersama Alumni dan Persatuan Alumni DAN salah satu dari dibawah;
2. Media cetak / Media sosial melibatkan alumni yang dijemput; ATAU
3. Salinan Sijil Penghargaan kepada Alumni; ATAU
4. Surat jemputan kepada Alumni

## TERAS 6 : MEMBUDAYA PENYELIDIKAN GUNAAN & INOVASI

### ▶ OBJEKTIF STRATEGIK

6.1 Melestari ekosistem penyelidikan dan Inovasi

### ▶ KPI

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan

### ▶ PIC

Politeknik: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

Kolej Komuniti: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

### ▶ DEFINISI OPERASI:

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan di peringkat zon / kebangsaan / antarabangsa

### ▶ SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
226 (PP)	7	5	1	1	1	0

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

Nota :

i. Sasaran bagi PBS, PBU, PHT, PJK, PKT, PMJ, PMK, PSS dan PTSN adalah 10 kertas penyelidikan

ii. KPI ini tidak melibatkan PBD, PBT dan PTS

### ▶ KAEDAH PENGUKURAN:

Kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan samada di dalam *digest* / jurnal / buku / prosiding pada peringkat zon / kebangsaan / antarabangsa.

### ▶ DOKUMEN BUKTI:

1. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa; dan
2. Muka depan dan maklumat kertas penyelidikan (Isi kandungan / Surat / No. ISBN / ISSN / URL bagi terbitan secara dalam talian) yang diterbitkan dalam *digest* / jurnal / buku / prosiding

